


FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

SEKOLAH KOLONIAL DI PULAU PINANG

SEJARAH DAN SENIBINA



Division Perkhidmatan Pameran & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

oleh;
FADILAH OTHMAN

khas buat.....

ibu & bapa tersayang.

" Ya Allah ampunilah segala dosaku
& dosa kedua ibubapaku, kasihilah
mereka sebagaimana mereka mengasihi
menyayangiku semasa aku dalam pemeliharaan
mereka hingga kehari ini."

sembah salam,
anakanda.


COPYRIGHT © UiTM

THESIS

PHOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

PENGESAHAN

Adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak oleh:



Encik Abdul Ghani Mohd Desa
Selaku Penyelia Utama

Encik
Selaku Penyelia Madya

Saya berpuashati dan bersetuju dalam skop dan nilai Kajian Akhir ini untuk penganugerahan Diploma Senibina Institut Teknologi Mara.

(Abdul Ghani Mohd Desa)
Penyelia

(

COPYRIGHT © UiTM

Penyelaras

THESIS

2102

SEKOLAH KOLONIAL DI PULAU PINANG
SEJARAH DAN SENIBINA.

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

REKOD DOKUMEN

Kajian Akhir ini dihantar kepada Jabatan Senibina
Institut Teknologi Mara sebagai sebahagian daripada
syarat untuk mendapatkan Diploma Senibina.

Oleh

Fadilah Bte Othman
82137911
Diploma Senibina Tahun Akhir,
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam, Selangor
1985/86

COPYRIGHT © UiTM

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertamanya saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah swt yang telah mengizinkan saya menyiapkan kajian akhir ini dengan penuh kesabaran di dalam menempuh setiap masalah dan dugaan.

Dengan layanan yang memuaskan yang saya terima semasa membuat kajian akhir ini, terlebih dahulu ingin saya merakamkan penghargaan saya kepada pegawai-pegawai serta kakitangan yang terlibat yang mana banyak menyumbangkan masa, tenaga bagi menjayakan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga ingin saya rakamkan di sini, di awal kajian saya ini kepada :-

* Encik Abdul Ghani B. Mohd Desa

Pensyarah Kana, Jabatan Senibina ITM,
Selaku Penyelia Kajian Akhir ini.

* Jabatan Pelajaran Pulau Pinang

Yang telah memberi kebenaran untuk menjalankan lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah di Pulau Pinang, serta membantu untuk mendapatkan sejarah-sejarah asal tentang sejarah sekolah-sekolah tersebut.

* Arkib Negara Malaysia

- i) Pegawai Perpustakaan
- ii) Kakitangan Perpustakaan

Mereka-mereka ini telah bekerjasama menyediakan bahan-bahan rujukan yang diperlukan.

* Muzium Negeri, Pulau Pinang

Penerangan dan butir-butir sejarah

* Gurubesar, guru-guru serta kakitangan

- i) Sekolah Menengah Penang Free, Pulau Pinang
- ii) Sekolah Menengah Convent Leboh Light, Pulau Pinang

Yang telah sudi bertemubual bagi menceritakan persejarahan sekolah dari pengalaman mereka sendiri.

- * Kedua ibubapa yang dikasihi serta kakak-kakak saya yang telah sama memberi sumbangan material dan fizikal untuk saya terus berjaya menyediakan kajian akhir ini.

Akhirulkalam, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan
berbanyak-banyak terima kasih serta penghargaan yang tidak
terhingga kepada mereka-mereka yang terlibat.

Semoga Allah memberkati segala kebajikan yang telah diberikan
kepada saya.

Wassalam.

DAFTAR KANDUNGAN

<u>Bab</u>	<u>Halaman</u>
Judul	
Pengesahan	
Penghargaan	
Daftar Kandungan	
Senarai Gambar	
1.0 <u>Pendahuluan</u>	
1.1.0 Objektif Kajian	
1.2.0 Sebab-sebab Pemilihan Tajuk	
1.3.0 Rumusan Bidang Kajian	
2.0 <u>Pengenalan</u>	
2.1.0 Sejarah Awal Pulau Pinang	
2.2.0 Persekolahan di Pulau Pinang sebelum kedatangan orang-orang Inggeris	
2.3.0 Sejarah Perkembangan Persekolahan di Pulau Pinang	
3.0 <u>Penganalisaan</u>	
3.1.0 <u>Pengertian Kolonial</u>	
3.1.1 Ciri-ciri Kolonial	
3.1.2 Senibina Kolonial	
3 3.2.0 Latarbelakang Pertimbuhan Kolonial	

4.0 Kes Kajian

4.1.0 Latarbelakang Sekolah Menengah Penang Free,
Jalan Mesjid Negeri, Pulau Pinang

4.1.1 Ciri-ciri Senibina Luaran

4.1.2 Ciri-ciri Senibina Dalaman

4.1.3 Ciri-ciri Senibina Terperinci

4.2.0 Latarbelakang Sekolah Menengah Convent,
Jalan Leboh Light, Pulau Pinang

4.2.1 Ciri-ciri Senibina Luaran


4.2.2 Ciri-ciri Senibina Dalaman

4.2.3 Ciri-ciri Senibina Terperinci

5.0 Kesimpulan

6.0 Perpustakaan

1.C



PENDAHULUAN

1.1.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Kajian ini merupakan kajian akhir yang diwajibkan bagi setiap pelajar untuk mendapatkan diploma. Ia merupakan satu latihan bagi pelajar untuk mengumpul seberapa banyak maklumat-maklumat secara temuramah dengan orang awam atau melihat dan mengkaji kesan-kesan perkembangan alam persekitaran. Ini termasuklah nilai-nilai budaya yang diamalkan sebagai cara hidup mereka serta mengkaji permasalahan yang timbul dari perubahan masa ke masa.
2. Kajian ini juga bertujuan untuk mencatatkan sejarah-sejarah yang silam dan pegangan-pegangan hidup yang masih belum pernah dicatatkan. Ini adalah penting kerana dalam arus permodenan sekarang ini, banyak nilai-nilai senibudaya asing di negara kita tidak dititikberatkan dan kebanyakannya terus lenyap begitu sahaja. Catitan ini juga penting sebagai panduan untuk generasi-generasi akan datang untuk menilai, menghayati sejarah dan melihat sendiri sesuatu yang amat berharga di masa yang silam.
3. Di samping itu kajian ini juga berperanan untuk melatih pelajar untuk menganalisa segala permasalahan yang timbul dengan mengeluarkan cadangan-cadangan dan rumusan untuk memperbaiki dan mengekalkan kesenian bangunan-bangunan yang bersejarah di negara kita ini.

1.2.0 SEBAB-SEBAB PEMILIHAN TAJUK

1. Keujudan sekolah-sekolah kolonial di Malaysia telah menjadi satu sejarah permulaan bangunan-bangunan kolonial dibina yang akan sentiasa menjadi peringatan untuk penduduk-penduduk tempatan di Malaysia ini.
2. Kesenian sekolah-sekolah kolonial yang mula dibawa dari kesenian orang-orang British telah menjadi satu kesenian bangunan kita di Malaysia di samping kesenian bangunan warisan yang sedia di negara kita sekarang ini. Pemeliharaan bangunan tersebut adalah penting untuk mengekalkan keseniannya.
3. Kajian ini hanya bertumpu di Pulau Pinang kerana ia merupakan salah sebuah dari Negeri-negeri Selat yang bermulanya sekolah kolonial. Sekolah yang terawal di Malaysia ialah Sekolah Penang Free, Pulau Pinang.
4. Pengkajian dan penyelesaian masalah akan dibuat dari kaca mata seorang perekabentuk. Oleh sebab itu pendalaman kajian ditumpukan pada aspek-aspek sejarah kesenibinaan dan perkara-perkara yang bersangkutan.

1.3.0 RUMUSAN BIDANG KAJIAN

1. Kawasan Kajian

Kajian-kajian telah dibuat di sekolah-sekolah kolonial yang bertempat di kepulauan Pulau Pinang:-

- i) Sekolah Menengah Penang Free
- ii) Sekolah Menengah Convent, Jalan Leboh Light, Pulau Pinang
- iii) Institut St. Xavier's, Pulau Pinang
- iv) Sekolah Anglo Chinese (perempuan)
- v) Sekolah St. George Pulau Pinang
- vi) Sekolah Menengah Georgetown

2. Pendahuluan Kandungan

Dalam kajian akhir ini menerangkan sedikit sebanyak mengenai latarbelakang dan persejarahan sekolah kolonial, konsep keujudan serta pergaulannya di kalangan masyarakat di zaman pemerintahan British.


3. Isi Kandungan Utama

Membentangkan senibina kolonial yang mana bangunan ini dijadikan sebuah bangunan persekolahan. Senibina yang dibawa oleh orang-orang Barat yang menjadi penjajah di Pulau Pinang.. Ia menitikberatkan ciri-ciri kesenibinaan luaran, dalaman dan terperinci, pengguna fungsi ruang utama, ruang besar dan sebagainya.

4. Penjelasan Lanjut

Pengertian ruang dalaman dan luaran sekolah kolonial dan persekitarannya serta hubungan kepada satu suasana yang menyeluruh,

Pengajian mendalam kepada senibina terperinci, bahan-bahan yang digunakan agar identiti-identiti pondok dapat dikekalkan.



2.C
PENGENALAI

2.1.0 SEJARAH AWAL PULAU PINANG

Pendahuluan

Pulau Pinang dikenali juga sebagai Pulau Mutiara. Pulau Pinang terletak di sebelah utara dan dipisahkan dari Tanah Besar Semenanjung Malaysia oleh lautan yang lebarnya lebihkurang 2 batu. Pulau Pinang telah menjadi Pelabuhan yang baik bagi kawasan Tenggara Asia ini sejak dari zaman dahulu lagi.

Asal-Usul Pulau Pinang

Pada mulanya Pulau Pinang adalah di bawah Kuasa dan Pemerintahan Sultan Kedah, sejak dari Pemerintahan Sultan Muhamad Jawa Zainal Abidin II lagi. Baginda telah menjemput pihak British mendirikan markas di Kuala Kedah. Selepas Sultan Muhamad Jawa mangkat, baginda diganti oleh Sultan Abdullah Mukazam Shah. Pada masa pemerintahan baginda, Siam dan Bugis sering menyerang negeri Kedah. Serangan Siam inilah membuatkan Sultan Kedah sanggup menjualkan Pulau Pinang kepada pihak British.

Sebab-Sebab Pulau Pinang Dibuka

1. Ketika negeri Kedah sering diganggu oleh askar-askar Siam dan Bugis, pihak British pula telah menarik diri dari menaruh minat untuk ke Tanah Melayu dan kawasan Hindia Timur. Ini kerana mereka menghadapi persaingan

hebat dari orang-orang Belanda. British telah memusatkan pemerhatian mereka di India. Kehidupan yang mendesak membuatkan mereka terpaksa:-

a) mencari pelabuhan berniaga yang baru

Ketika akhir abad yang ke 18, perdagangan kompeni Hindia Timur antara India dan China sangat laris. Kerajaan China telah membenarkan British mendirikan kilang di Canton. Bertambahnya perdagangan ini membuatkan kompeni tersebut inginkan satu pelabuhan perdagangan antara China dan India. Pelabuhan itu digunakan untuk tempat bertukar barang dagangan antara Timur dan Barat. Jajahan British iaitu Bencoolen di Sumatera terletak jauh dari perjalanan perdagangan dan kawasan pengeluaran bijih timah. Keperluan untuk yang baru ini terpaksa dipercepatkan lagi jika pihak Belanda mengenakan cukai yang tinggi ke atas kegunaan pelabuhan mereka.

b) Cari pengkalan pertahanan:

Pihak Kompeni Hindia Timur dapati sangat sukar bagi mereka untuk mengawal kilang-kilang British di Madras dan Culcutta semasa peperangan dengan Perancis. Bandar Madras tidak mempunyai pelabuhan yang baik pada monsun timur laut. Ketika musim ini semua kapal British terpaksa berlindung di Bombay, jadi seringkali pihak Perancis dan Burma dan Aceh menyerang British. Oleh sebab itulah

COPYRIGHT © UiTM
maka pihak British memerlukan kawasan perang yang baru.

c) mencari jajahan untuk tempat tinggal

Dari pertengahan abad ke 18, British telah berusaha mencari kawasan baru yang boleh menyelesaikan masalah di atas. Keperluan untuk pengkalan sebagai pusat peperangan sangat mustahak dan keperluan untuk pelabuhan perdagangan lebih-lebih lagi mustahak. Pelabuhan baru ini dapat membawa lebih lagi keuntungan bagi pihak Kompeni Hindia Timur. Masalah ini nampaknya diselesaikan oleh Kapten Francis Light.

2.10 SEJARAH AWAL PULAU PINANG
(SEBELUM PEMERINTAHAN BRITISH)

DIBENARKAN

Menurut catitan sejarah orang-orang Islam merupakan gulungan yang mula-mula sekali membuka Pulau Pinang sebagai sebuah pusat persinggahan bagi pedagang-pedagang dari Kepulauan Melayu, Benua India dan Semenanjung Arab.

Apabila Francis Light menjijakkan kakinya di Pulau Pinang pada tahun 1786 Masihi, beliau mendapat lebih daripada 70 peratus penduduk yang tinggal di Pulau Pinang terdiri daripada umat Islam termasuk seorang saudagar keturunan Arab yang kaya, Tunku Syed Hussein bin Syed Abdul Rahman Aidid, yang mempunyai hubungan rapat dengan Sultan Kedah pada masa itu.

Perlu disebutkan bahawa orang-orang Melayu pada zaman silam memang terkenal sebagai satu bangsa pedagang dan pelayar yang amat dikagumi. Orang-orang Melayu telah belayar sampai ke Timur dan Barat, Rome, Madagaskar dan Sri Lanka, Afrika Selatan dan New York.

Hubungan dagang juga telah memainkan peranan penting dalam kemajuan dan perkembangan Islam di Nusantara di mana peranan orang-orang Arab dan India amat nyata sekali.

Hubungan orang-orang Arab yang begitu lama dengan Kepulauan Melayu berjalan dengan baik sejak sebelum masihi lagi. Orang-orang Arab, terutama dari Hadramau dan Maskat, pernah sampai ke Tanah Melayu dan Sumatra ketika berdagang dengan India dan Sri Lanka. Seorang Pentafsir Quran, Attabrai, pernah mengeluarkan kenyataan bahawa hubungan Arab dengan Cina terpaksa melalui Kepulauan Melayu.

Ulama terkenal, Baba Profesor Hamka, pernah menyebut bahawa dalam tahun Masihi 674 sudah ada perkampungan orang-orang Arb di Sumatra Barat yang berhampiran dengan Pulau Pinang (Kedah). Malahan pada waktu itu, hubungan dagang antara Kedah dan Sumatra Barat telah sedia ada.

Terdapatnya perkampungan Arab di Sumatra Barat pada masa itu menguatkan lagi pendapat yang berkata Islam memasuki Tanah Melayu secara sedikit-sedikit melalui Kedah (termasuk Pulau Pinang yang merupakan sebahagian daripada Negeri Kedah pada masa itu). Perlu disebutkan bahawa Kerajaan Islam di Timur Tengah pada waktu itu (674/675 Masihi) diketuai oleh Khalifah Muawiyah bin Abi Sufian dan Khalifah Abdul Malik bin Marwan (684 Masihi) di mana orang-orang Arab telah mula menguasai Pusat-Pusat Perniagaan Timur-Barat dan bersama-samanya turut mengembangkan Syiar Islam termasuk ke Tanah Melayu. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan tembikar Yunani yang berumur 500 tahun sebelum masihi dan penemuan dua keping dirham Baghdad pada tahun

848 Masihi (zaman Khalifah Al Mutawakkil) di Kedah. Pada masa itu juga orang-orang Arab telah pun mula menetap di Kedah dan mengembangkan Islam di negeri itu.

Memandangkan pada waktu itu Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada negeri Kedah, maka pada waktu yang sama Islam turut dibawa ke Pulau Pinang oleh orang-orang Arab yang menetap di Kedah dan orang-orang Kedah sendiri yang atau mengunjungi sanak saudara di Pulau Pinang.

Ibnu Huzdadzbih (846 M.), seorang Pelaut dan Pengembang Arab, telah membuat catitan yang menunjukkan Kedah telah pun mempunyai masyarakat Islam dan bandar yang besar.

Selepas kemasukan orang-orang Arab, perkembangan Islam menjadi semakin hebat dengan kemasukan orang-orang Parsi dan Hindustan ke Tanah Melayu, terutama sekali ke Kedah (Pulau Pinang), jauh lebih awal daripada kemasukan Inggeris (Francis Light) yang disifatkan sebagai telah membuka Pulau Pinang pada tahun 1786 Masihi.

Bagaimanapun, kedatangan Inggeris ke Pulau Pinang telah membantu merencanakan perkembangan Islam menerusi pemindahan orang-orang Islam (Melayu) dari Kedah, Perlis (sebahagian dari Kedah), Perak dan Aceh ke Pulau Pinang yang mula menjadi terkenal sebagai pusat dagangan dan persinggahan yang terkemuka di Timur.

Perkembangan Islam di Pulau Pinang tidak dapat dipisahkan dengan Kedah dan apabila mengkaji sejarahnya, peranan orang-orang Arab dan India (pedagang-pedagang Islam dan Parsi) tidak dapat disangkalkan. Di Pulau Pinang, peranan orang-orang Arab dan India berhubung dengan kemasukan Islam masih dapat dilihat hingga ke hari ini. Pembinaan Masjid-masjid termasuk Masjid Melayu, Masjid Kapitan Keling, masjid Nagor (Makam), Masjid Langgar dan wujudnya perkampungan Arab (Syed), merupakan kesan-kesan sejarah yang mempunyai hubungan awal tentang kemasukan dan perpindahan Islam ke Pulau Pinang.

2.1.1 KEUJUDAN SEKOLAH

Kemajuan dan perkembangan Islam di Pulau Pinang tidak dapat dipisahkan daripada peranan penting yang dimainkan oleh sekolah-sekolah ugara rakyat, madrasah atau pondok-pondok. Melaluinyalah tokoh-tokoh ugama dan pengembang-pengembang Islam telah menanamkan semangat Keislaman kepada orang-orang Melayu dan masyarakat Islam lain di negeri ini.

Madrasah-madrasah dan pondok-pondok dibuka di merata tempat di seluruh Pulau Pinang untuk memberi pelajaran yang sempurna mengenai Islam kepada masyarakat.

Salah sebuah daripada Madrasah yang telah memainkan peranan penting ialah Madrasah Mashoor Al Islamiah Pulau Pinang. Madrasah ini sekarang telah diambilalih oleh Kementerian Pelajaran dan dikenali sebagai Sekolah Menengah Ugama Al Mashoor.

Madrasah ini diasaskan pada tahun masihi 1916 dengan dikenali sebagai Madrasah Al Quran dan mempunyai tugas utama untuk mengajar bacaan Al Quran dan memberikan pelajaran Fardu Ain. Madrasah Al Quran ditempatkan di Masjid Melayu, Leboh Aceh dengan mempunyai murid seramai 16 orang dan gurupertamanya ialah Allahyarham Syed Abdul Rahman Alhabshee.

Di antara pengasas-pengasas Madrasah tersebut ialah Syed Mahdzar Aidid Syed Omar Al Mahdzar, Syed Omar Al Mahdzar, Syed Omar Alsagoff, Sheikh Hassan Al Baghdad, Sheikh Ali Bawazir dan Sheikh Alhaji Zakaria.

Madrasah itu semakin hari semakin mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat Islam di mana bilangan muridnya telah berlipatganda. Pada tahun 1918, madrasah tersebut telah dipindahkan ke Kampung Jawa untuk menampung keperluan yang semakin bertambah. Mata-mata pelajaran agama dan Bahasa Arab telah dititikberatkan. Nama madrasah itu juga telah ditukarkan daripada Madrasah Al Quran kepada Madrasah Mashoor Al Islamiah kerana mengambil sempena nama Habib Mashoor, seorang Penghulu yang terkemuka dan terkenal di Pulau Pinang (Jelutong) pada masa itu.

Untuk memenuhi kehendak yang semakin bertambah, madrasah tersebut telah dipindahkan ke Leboh Tek Soon (dahulu dikenali sebagai Jalan Pokok Ru) dengan bantuan dan kerjasama Haji Bachik, Mydin Shah dan Haji Karwa serta beberapa orang yang lain. Rumah dan tapak madrasah asal di Leboh Tek Soon ialah kepunyaan Haji Bachik, seorang hartawan Melayu yang berasal dari Melaka.

Antara Guru Besar dan Guru-Guru yang pernah mengajar di madrasah tersebut ialah Syed Sheikh Alhadi, Sheikh Muhammad Radzi, Sued Ahmad Dahlan, Abdul Rahman Firdaus,

Syed Ali Alzahir, Ustaz Yusof Nawawi, Ahmad Alhadi, Sheikh Tahir Tahir Jalaluddin Alfalaki, Syed Alwi Alhadi, Sheikh Abdullah Maghribi, Alhafiz Ghulam Sarwar dan ramai lagi tokoh-tokoh terkemuka pada waktu itu.

Setahun demi setahun, Madrasah Mashoor telah meningkat maju di mana Bahagian Putri telah ditubuhkan pada tahun 1934 oleh Sheikh Abbas Bakar Rafee yang pada mulanya ditempatkan di rumah beliau sendiri di Jalan Macalister. Bahagian Putri kemudiannya dipindahkan ke tempatnya sekarang di Jalan Lunas pada tahun 1936.

Projek pembangunan Kompleks Tun Abdul Razak telah melibatkan Madrasah Mashoor di Leboh Tek Soon yang terpaksa dipindahkan kelak. Kerajaan Negeri telah menguntukkan sebidang tanah di Jalan Ayer Itam, berhampiran Masjid Negeri dan pembinaan bangunan baru sedang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya. Pentadbiran Sekolah Menengah Al Mashoor sekarang diambilalih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Pelajaran Ugama).

Dalam usia 64 tahun, Madrasah Al Mashoor telah menghasilkan ribuan pelajar yang bertaburan di seluruh tanah air. Terdapat diantara murid-murid tuanya yang telah mencapai kejayaan cemerlang dan menyandang jawatan-jawatan penting di dalam dan luar negara.